

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 26 RABU 25 JUN, 1969 1389 رابو 9 ربيع الاخير PERCHUMA



D.Y.M.M. sampaikan sijil2 kapada guru2 lepasan Maktab Perguruan Melayu

BANDAR BRUNEI — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei pada hari Sabtu lepas telah menyampaikan sijil2 kapada hampir2 tiga ratus orang guru yang telah tamat lathen dari Maktab Perguruan Brunei di-satu upacara di-Dewan Sekolah Melayu Puser Ulak di-Bandar Brunei.

Duli Yang Maha Mulia telah bertitah kapada guru2, di-upachara itu dan Pemangku Pengetua Maktab, Awang P.D. Parshad juga memberi ucapan.

Di-upachara itu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, telah di-persembahkan dengan sa-buah chendera-mata yang berupa perisai yang berlukis dengan lambang sekolah itu, oleh pensharah2 dan pelajar2 maktab itu.

Pensharah2 dan pelajar2 juga mempersembahkan sa-kalong bunga bagi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Di-antara yang hadir, di-upachara itu ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A.R. Adair, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Yang Amat Mulia Cheteria2, Ahli2 Majlis Mashuarat, dan pegawai2 kanan kerajaan.

Upachara itu telah di-tamatkan dengan bacaan do'a selamat oleh Yang Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja, Dato Seri Laila Jasa Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Upachara itu di-serikan lagi dengan permainan musik dari pencharagam Pulis Di-Raja Brunei.

Titah Baginda sa-penoh-nya ada-lah saperti berikut:

Dengan perasaan yang penoh ikhlas lagi jujur beta menguchapkan setinggi terima kasih kapada Pengetua, Pensharah2 dan penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei kerana menjemput beta hadir ka-Majlis yang permai ini.

Alhamdulillah pada atau dalam istiadat hari ini beta dapat berpandang wajah dengan laila had-
(LIHAT MUKA 4)

Amaran Pulis: Jangan sebarikan berita2 angin

BANDAR BRUNEI — Pesuruhjaya Pulis Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa J.H.R. Burns telah memberikan amaran kapada orang ramai terhadap penyebaran khabar2 angin.

Beliau berkata, dalam masa sa-tahun, anasir2 jahat beberapa kali menyebarkan khabar2 angin yang menyebabkan orang ramai merasa chemas.

Orang2 yang bodoh dan tidak berfikiran, yang tidak mendapat penjelasan daripada pehak yang berkuasa sama ada khabar2 angin itu benar atau tidak mengadukan-nya, kemudian menyebarkan berita2 itu kapada orang lain yang menyebabkan bertambah-nya bahaya kechemasan itu.

Dato Burns berkata, anasir2 jahat terdapat di-semua kala-

ngan masharakat dalam dunia, tetapi kebanyakan raayat sa-sebuah negeri itu ada-lah yang mempunyai akal fikiran dan ingin menjalankan urusan sa-hari2 dan menchari penghidupan dalam aman.

Beliau mengesa orang ramai supaya memberikan kerjasama dengan mengadukan kapada pehak pulis sa-barang khabar2 angin yang boleh menimbulkan kechemasan yang di-dengar-nya, tanpa menyebarkan-nya kapada orang ramai.

Dato Burns berkata, menyebarkan khabar2 angin atau kenyataan palsu yang boleh menyebarkan kechemasan ada-lah satu kesalahan besar.

Hukuman bagi orang2 yang menyebarkan berita2 palsu atau kenyataan itu ia-lah penjara sa-lama sa-tahun.

Pertandingan pintu2 gerbang

BANDAR BRUNEI — Pertandingan pintu2 gerbang adalah sa-bahagian dari achara perayaan menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan di-Daerah Brunei/Muara dalam bulan hadapan.

Pertandingan itu terbuka kapada persatuan2, sharikat2 perniagaan, pemborong2, jabatan2 kerajaan dan juga orang2 yang ingin mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

Borang2 permohonan boleh di-dapati dari Setia Usaha Pertandingan Pintu Gerbang dan Berchuchol, Bahagian Darat, Awang Asmat H.M. Salleh di-alamatkan Bahagian Bangunan, Jabatan Kerja Raya, Brunei.



BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Mohammad Bolkih telah merasmikan pembukaan Ibu Pejabat baru Palang Merah di-Jalan Ong Sum Ping di-Bandar Brunei pada minggu lalu.

Dalam ucapan-nya di-upacara itu, Yang Teramat Mulia telah menasihatkan anggota2 Palang Merah Brunei supaya menyumbangkan perkhidmatan mereka bagi faedah orang ramai.

Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A.R. Adair sa-laku Yang Di-Pertua Persatuan Palang Merah Negeri Brunei juga berucap di-upacara itu.

Tuan Yang Terutama iti telah mengucapkan terima

kaseh kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong kerana berkenan merasmikan pembukaan ibu pejabat baru itu.

Di-upacara itu, Yang Teramat Mulia juga telah menyampaikan sijil2 dan lenchana pertolongan chemas kepada 14 orang anggota Palang Merah.

Antara yang hadir di-upacara itu ia-lah Yang Amat Mulia Cheteria2, pegawai2 kerajaan serta pegawai Palang Merah.

Gambar atas menunjukkan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong kelihatan sedang memotong pita bagi merasmikan pembukaan ibu pejabat tersebut dengan di-perhatikan oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi, Awang Adair dan Awangku Mohammad bin Pengiran Tuah, Pegawai Luar Palang Merah.

Seminar Pendidikan anjoran M. B. B.

BANDAR BRUNEI. — Seksi Pendidikan Majlis Belia2 Negeri Brunei akan menganjorkan Seminar Pendidikan dalam bulan Ogos hadapan.

Seminar yang berjalan selama tiga hari itu akan diadakan di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkih di-Bandar Brunei.

Seminar ini ada-lah julong2 kali-nya di-anjorkan oleh Majlis Belia2. Ia-nya bertujuan untuk membinchangkan dasar pendidikan dan pelajaran di-negeri ini sesuai dengan pergerakan, perkembangan dan kemajuan belia2.

Sa-banyak tujuh buah tajok akan di-sediakan yang akan di-jadikan kertas kerja dalam seminar itu. Tajok2 itu ia-lah:

- * Masa'alah dan dasar pelajaran di-Brunei.
- * Tujuan pendidikan di-Brunei.
- * Kelemahan pelajar2 Melayu dalam pepereksaan luar dan chara mengatasi-nya.
- * Bahasa Melayu di-sekolah2 Melayu.
- * Masa'alah pelajaran Uga-ma di-Brunei.
- * Pelajaran sains di-seko-

lah2 rendah dan menengah.

- * Displin dan tata tertib dalam pendidikan.

Di-antara yang akan menulis kertas2 kerja itu termasuklah Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, Asterawani, Majlis2 Belia2 dan orang2 persaorangan.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Awang Mohammad Jamil Al-Sufri juga akan menulis sa-buah kertas kerja yang akan di-binchangkan dalam seminar itu.

Mereka yang ingin mengambil bahagian dalam seminar itu hendak-lah mengirinkan borang2 yang di-sediakan oleh jawatankuasa seminar. Tiap2 sa-buah persatuan belia hendak-lah menghantar tidak kurang dari tiga orang. Bayaran masuk di-kenakan \$3.00 bagi sa-buah persatuan.

Borang2 boleh di-dapati dari Setia Usaha Seminar Pendidikan, M.B.B., peti surat 434, Bandar Brunei, Awang Leman bin Ahmad dan Awang Ahmad Ghafar, kedua2-nya di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Peladang2 di-seru supaya menanam tanaman yang mendatangkan hasil

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Mohd. Ali bin Awang Besar menasihatkan peladang2 di-daerah ini supaya membuka lebih banyak lagi tanah kepunyaan mereka sendiri untuk berchuchok tanam.

Awang Mohd. Ali memberi nasihat itu ketika di-minta mengulas tentang kemajuan projek perkembangan luar bandar yang di-jalankan di-daerah ini.

Beliau berkata, di-bawah projek tersebut kerajaan telah membena beberapa batang jalan kecil untuk menghubungkan kampung2 untuk memberikan mereka kemudahan pengangkutan dan perhubungan.

Awang Mohd. Ali berkata, masih banyak lagi tanah yang luas di-sepanjang jalan2 ini yang dapat di-majukan.

Pegawai Daerah itu berkata, peladang2 hendak-lah menggunakan peluang yang di-berikan kepada mereka dengan menanam tanaman yang di-benarkan dalam syarat yang terkandung dalam tanah mereka.

Beliau juga meminta mereka supaya menanam jenis2 tanaman yang boleh mendatangkan hasil seperti pisang, tebu dan sayor2an.

Beliau berkata, ini bukan sahaja membolehkan peladang2 itu bergantung kepada diri mereka sendiri tetapi juga sa-laras dengan dasar kerajaan memberi jalan2 kecil di-kawasan luar bandar.

Awang Ali berkata, jalan2 kecil itu membolehkan peladang2 itu membawa hasil2 tanaman mereka ka-pasar dan dengan yang demikian akan menambahkan lagi pendapatan mereka dan meninggikan lagi taraf hidup mereka.

Perlawanan

bola sepak

hari keputeraan

LAMUNIN. — Persatuan Melayu Lamunin Tutong akan menganjorkan satu perlawanan bola sepak bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang di-Pertuan Negeri Brunei tahun ini.

Ini ada-lah kedua kali-nya persatuan tersebut menganjorkan perlawanan seperti itu bagi merayakan hari keputeraan baginda.

Perlawanan ini ada-lah terbuka kepada semua persatuan2 belia, pejabat kerajaan, kampung2 dan sekolah2 di-Daerah Tutong.

Perlawanan yang akan di-jalankan sa-chara pusingan itu akan di-mulakan pada pertengahan bulan Julai hadapan.

Borang2 bagi memasoki perlawanan tersebut boleh di-dapati dari Awang Mohsin bin Haji Khatam, di-Sekolah Kampong Menengah, Tutong; Awang Besar bin Tujoh, Sekolah Melayu Muda Hashim dan Awang Rauf bin Mohammad Noor, Kampong Lamunin.

Peraduan Ratu Keputeraan dan Pakaian Beragam

KUALA BELAIT. — Jawatankuasa Perayaan Sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei Daerah Belait akan menganjorkan peraduan Ratu Keputeraan dan Pakaian Beragam bersempena bagi menyambut hari keputeraan Baginda di-daerah itu.

Peraduan Ratu Keputeraan ada-lah terbuka kepada gadis2 dari semua bangsa yang berumur 16 tahun ka-atas. Mereka hendak-lah berada di-negeri ini sa-kurang2-nya selama enam bulan.

Peserta dalam peraduan ini

boleh memakai sa-barang pakaian kechuali baju mandi.

Peraduan Pakian Beragam pula ada-lah terbuka kepada pemuda2 dari semua bangsa yang berumur 16 tahun ka-atas.

Borang2 untuk menyertai peraduan2 boleh di-dapati daripada Awang Bichu bin Arif, di-alamat Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Kuala Belait dan Awang Adnan bin Pawie, di-Pejabat Pos, Kuala Belait.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 7 Julai, 1969.

LIMA PERKARA ASAS KEIMANAN SA-SAORANG UMAT ISLAM

KHUTBAH JUMA'AT

- mendengar nama Allah gementar hati-nya
- apabila di-bachakan ayat2 Al-Koran bertambah2 iman-nya
- sentiasa menyerah diri kepada Allah
- mendirikan sembahyang
- apabila di-kurniakan Allah rezeki di-belanjakan-nya

Demikian menurut maksud Suratul Anfal ayat 2—4.

HENDAK-LAH kita takut kepada Allah dengan mengerjakan segala perintah-nya dan menjauhi segala larangan-nya.

Kita telah sa-patut-nya bershukor dan berbakti kepada Allah kerana memandang nikmat dan perkara2 yang telah kita terima, yang mana ia-nya tidak dapat di-hitong atau di-kira banyak-nya sa-bagaimana firman Tohan yang berbunyi:

ان تعدوا نعمة الله لا تحصوها.

Untuk berbakti atau bershukor kepada Allah tidak-lah memadai dengan perkataan "Alhamdulillah saya bershukor kepada Allah" atau hanya kita berkata "Saya beriman kepada Allah", tetapi untuk mengukir kita benar2 beriman dan sa-orang Islam mengikut maksud2 iman dan Islam, Allah telah menerangkan dalam kitab suci Al-Koran Al-Karim yang berbunyi:

«انما المؤمنون الذين اذا ذكروا الله وجلت قلوبهم واذا تليت عليهم آياته زادتهم ايمانا وعلمي ربهم يتوكلون الذين يقيمون الصلوة ومما رزقهم ينفقون اولئك هم المؤمنون حقا لهم درجات عند ربهم ومغفرة و رزق كريم»

erti-nya, sasungguh-nya orang yang beriman itu ia-lah mereka yang apabila di-sebut nama Allah, takut hati2 mereka dan

apabila di-bachakan kepada mereka akan ayat2 Al-Koran bertambah2 iman-nya dan kepada Tohan-nya mereka menyerah diri. Mereka2 yang mendirikan sembahyang dan membahagikan sa - bahagian dari apa yang kami kurniakan kepada-nya, mereka-lah orang yang sa-benar2-nya beriman bagi mereka beberapa kemuliaan di-sisi Allah, keampunan dan kurniaan yang mulia.

Dari sini faham-lah kita bahawa iman yang sa-benar2-nya itu ada-lah berasaskan sa-bagaimana firman Tohan tadi lima perkara, ia-itu apabila mendengar nama Allah gementar

hati-nya — apabila di-bachakan akan ayat2 Al-Koran, bertambah2 iman-nya — sentiasa menyerah diri kepada Allah mendirikan sembahyang dan apabila di-kurniakan Allah rezeki di-belanjakan-nya. Mereka ini ia-lah orang yang sa-benar2 Mo'min.

Dengan itu mafhum-nya orang yang terlalu berani terhadap Allah dan tidak menghiraukan kemurkaan Allah dalam melakukan derhaka kepada-nya. Tidak-lah di-hukum mo'min yang sa-benar2, begitu juga orang2 yang selalu mendengar ayat2 Al-Koran di-bachakan serta tafsir-nya di-hu-



raikan, tetapi tidak berkesan di-hati-nya bahkan makin bertambah2 maasiat dan orang2 yang amal-nya baik untuk menchari ka-redhaan Allah, tetapi tidak berani bertuakal kepada Allah dan sa-balek-nya takut kepada perkara2 lain daripada Allah.

Bagitu juga orang yang merengankan sembahyang sedangkan sembahyang ada-lah di-sifatkan oleh Rasulullah ia-lah tiang ugama. Begitu juga mereka yang telah di-kurniakan rezeki tetapi bakhil untuk nafkah diri-nya atau keluarga-nya dan bakhil mengeluarkan derma2 yang ada hubong-nya dengan ugama, maka orang2 yang di-sebutkan itu di-anggap bukan kaum-nya yang sa-benar-nya.

Maka oleh itu-lah kita selalu di-ingatkan tat kala di-majlis2 membaca ayat Al-Koran atau dalam majlis2 sharahan yang menerangkan maksud2 ayat2 Al-Koran, termasuk juga di-masa sa-belum Khutbah2 Jumaat di-bachakan supaya kita diam dan mendengar, sa-terus-nya mengambil faham sa-lain daripada kita membesarkan dan memuliakan-nya kerana jika kita tidak mendengar tentu-lah tidak boleh faham dan apabila tidak faham, bagaimana hendak bermal dengan baik dan betul.

Oleh itu hendak-lah tiap2 orang Islam mengkaji dan menguji sa-hingga ka-mana keimanan dan ketaatan-nya, bagitu juga sa-hingga ka-mana derhaka kita yang telah kita lakukan, lepas itu mari-lah kita berazam dan menguatkan lagi iman kita kerana umur kita semakin hari semakin menghampiri masa ajal yang tidak di-ketahui itu. Moga2-lah kita semua termasuk dalam golongan orang2 yang mo'min yang benar2 mendapat keredhaan Allah dan keampunan-nya di-akhirat kelak.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 25 Jun, 1969 hingga ka-hari Selasa 1 Julai, 1969 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
25 Jun		12-28	3-48	6-39	7-51	4-37	4-52 6-09
26 Jun		12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-53 6-10
27 Jun		12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-53 6-10
28 Jun		12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-53 6-10
29 Jun		12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-53 6-10
30 Jun		12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-53 6-10
1 Julai		12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-53 6-10

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



25 Jun, 1969.

KUTIPAN ZAKAT FITRAH

LANGKAH Kerajaan dengan melalui Jabatan Hal-Ehwal Ugama untuk melaksanakan kutipan zakat fitrah dengan melantek amil2 yang bertugas mengumpulkan-nya ada-lah merupakan satu langkah yang bijaksana terutama di-segi keadilan kepada orang2 yang berhak menerima-nya.

Dengan langkah itu orang2 yang berhak menerima zakat fitrah itu akan menerima-nya sa-chara sama rata dan tidak-lah hanya tertumpu kepada satu2 pekah sahaja seperti yang selalu di-amalkan terutama dalam pemberian fitrah. Kebanyakan umat Islam di-negeri ini "menghantar" fitrah2 mereka kepada orang2 yang mereka chenderongi sahaja seperti dato nenek, "pengulin," guru mengaji Koran, Imam2 dan sa-umpama-nya. Pada hal jika di-buat tinjauan, orang2 itu tidak layak di-beri fitrah menurut hukum2 yang sa-benar-nya. Di-samping itu terdapat juga orang2 menghantar fitrah2 mereka kepada orang2 yang berhak, tetapi ada juga orang yang lebih harus di-fitrahi telah tidak menerima-nya.

Dari sini ternyata keadaan pembahagian zakat fitrah itu telah berjalan begitu lama dalam keadaan yang tidak terat dan kurang adil pula. Dalam perkara ini tidak pula mustahil telah timbul pertentangan sa-chara diam2 di-antara penerima2 zakat dan fitrah itu disebabkan ada yang menerima lebih dan ada yang menerima kurang dan dari sini timbul-lah kata2 yang tidak harus ber-laku seperti perkataan "memapat rezeki orang" atau pu-tong jalan. Perkataan ini selalu-nya di-gunakan oleh pe-niaga2 dan menerima zakat dan fitrah itu bukan-lah bagitu tujuan-nya.

Dengan undang2 zakat dan fitrah di-negeri ini seperti yang di-siarkan oleh Warta Kerajaan yang bertarikh 25 Januari, 1969 dan di-kuatkuasakan mulai 1 Januari, 1969 tidak shak lagi ada-lah untuk kepentingan ugama dan masyarakat Islam di-negeri ini di-samping meng-ujudkan fahaman sama2 bertanggungjawab pada mening-gikan taraf Umat Islam. Soal tanggungjawab antara sa-sama Islam ada-lah menyeluruh ka-nada sa-tiap orang yang meng-aku diri-nya beragama Islam dan tidak harus berbangkit soal2 antara kaum ia-itu kaum yang berada dengan yang ti-dak berada. Sifat tolong menu-long ada-lah satu sifat yang mulia di-sisi ugama, lebih2 lagi jika kita menolong orang2 yang benar2 dalam kesusahan. Ini-lah antara maksud yang utama nada memuatkuasakan undang2 yang baru saja di-lu-luhkan ini.

Sayugia di-terangkan baha-wa dari pengujudan undang2 tersebut, Kerajaan tidak-lah bermaksud untuk mendapat keuntungan2 daripada-nya, baha-kan undang2 itu ada-lah se-mata2 bertujuan untuk kepen-tingan orang2 yang berhak menerima zakat dan fitrah khas-nya dan kepentingan umat Islam seluruh-nya.

Titah D. Y. M. M. di-upachara penyampaian

(DARI MUKA 1)

sijil2

hirin sekalian, dan beta bershukor ka-hadhrat Allah subahan-nahu-wata'ala kerana dengan petunjuk dan limpah kurnia-nya maka beta hadhir di-majlis ini dan beta serta dengan mengucap selawat dan salam beta tujuhan kepada jun-jongan agong kita Mohammad s.a.w. dan sahabat2 serta kerabat2 baginda sekalian-nya.

Perhubungan guru2 dan penun-tut2 perguruan yang masih muda remaja pada hari ini membawa kepada beta 1,001 macham harapan dan hasrat Guru2 dan laila pendidik yang memegang suloh ilmu pengetahuan yang sendiri memperolehi dan pernah menerima pendidekan yang sa-benar2-nya lengkap berkebakjikan dan mende-kati kesempurnaan ada-lah kuasa nikmat laila ilham yang akan memancarkan betapa tinggi mutu ilmu laila pengetahuan juga betapa keindahan kepada yang men-chintai laila mata pelajaran dan yang akan menyerikan, meman-charkan sinaran चाहया bagi menyuburkan atau sihat hasrat hati subur laila rendah akal fikiran aman rajin berkemakmoran ten-teram mematohi undang2 peratoran pada memboktikan hakikat su-bor atau laila subur dan sihat hakikat raayat dan isi yang baik dalam Negeri Brunei yang beta ka-sehi sekalian, mudahan berkeba-hagian dan sentosa.

Dengan tegas beta nyatakan, bahawa masa hadapan raayat beta dan negeri ini sa-bahagian besar-nya ada-lah terletak pada kesem-purnaan sistem pendidekan dan yang mempelajari dan mengindah-kan laila pendidekan dan lebih penting lagi pada chara dan tata pengajaran juga latehan yang mereka terima dari kechil hingga dewasa.

Penghubung dan penyampaian ilmu pengetahuan yang di-perlukan oleh semua raayat untuk hidup berilmu pengetahuan laila ber-tamadun serta berkemajuan ada-lah guru2 yang ikhlas laila jujur dan murid2 yang rajin laila subur yakni Awang2 dan Dayang2 se-kalian.

Di-majlis ini beta ingin berseru kepada Awang2 dan Dayang2 ba-hawa tunjok ajar laila nasihat ka-arrah kebajikan pada melailakan betapa tinggi kemerchan mutu ilmu pengetahuan dari hati yang ikhlas, jujur benar2 berguna, ber-

amal ibadat kerana Allah yang munasabah yang di-terima oleh laila akal fikiran bagi kebahagiaan, kesentosaan, keamanan dan ke-makmoran negeri kita Brunei Darus-salam, aman laila sejahtera di-peajari sa-waktu di-Maktab wajib-lah di-ingati dan di-tahami sa-benar2-nya dengan tujuan chin-takan keamanan, kesentosaan dan ketenteraman serta menggalakkan murid2 rajin berusaha mencari rahmat Tohan rezeki yang halal. Amal yang saleh dan apa jua jenis usaha2 dan perbuatan kebajikan ada-lah ibadat. Bahan2 ini hendak-lah di-sesuaiakan pula dengan keadaan yang di-hadapi supaya nanti usaha ini dapat mencapai kejayaan yang sa-benar2-nya me-nuju ka-arrah kebajikan.

Dalam usaha ini beta harapkan Awang2 dan Dayang2 tidak melupakan adat resam yang telah kita warithi turun temurun yang hendak-nya kita pertahankan dan sesuaikan dengan zaman dan yang akan melambangkan nama baik negara kita serta bangsa kita yang sa-benar2-nya. Dengan kemasokan ilmu dan teknik2 sa-bagai di-kata-kan moden tetapi akan memba-hayakan, menghayalkan dan ber-tentangan dengan laila ilmu teknik yang sa-benar-nya untuk menam-bahkan laila pengetahuan yang di-bolehkan mempelajari-nya sa-bagai ilmu alat dalam ajaran2 Ugama Islam atau chara hidup kita yang di-redzai-nya kita singkirkan. Laila ilmu teknik moden hanya kita bela, pelihara kita asoh sa-baik2-nya untuk menambah dan mengilaila-kan pengetahuan kita sendiri, kita jauhkan anasir2 yang mungkin dan kelak akan meruntuhkan dan men-jerumuskan kita ka-arrah perbuat-an yang kejam, dalam hal ini Awang2 dan Dayang2-lah yang mempunyai kewajipan2 mengawasi dan mengasoh hakikat berkeba-jikan rajin dan berusaha untuk na-fkah yang beta sebutkan.

Sa-laras dengan zaman moden ini beta ingin melihat supaya ang-gapan terhadap kejuruan guru laila berubah dengan sejahtera pada menurut aliran zaman. Beta me-negaskan bahawa ada-lah menjadi tanggung jawab Awang2 dan Da-yang2 untuk mengduga serta meng-amati-amati pandangan dan pen-dapat murid2 di-bawah jagaan Awang2 dan Dayang2 sekalian. Beri-lah mereka segala galakkan dan dorongan untuk mengeluarkan pendapat mereka sa-chara ikhlas dan jujur. Tanamkan-lah semangat yang bermutu pada mengadakan atau untuk berunding, soal-menyoal, semangat ingin tahu dan tidak rela di-sirit, di-hirit dengan sesuka hati yang menurukan hawa nafsu sahaja. Dengan jalan ini beta yakin bahawa raayat beta muda remaja yang akan dapat menghadapi masa hadapan ber-sama dengan ta'abah dan penoh keyakinan untuk mencapai ke-jayaan pada mengusahakan kebaji-kan dan sentiasa merenongkan pada mengilailakan ingatan dan kenangan kepada jasa yang baik, pada melailakan padangan ka-pada kesan2 taboran jasa dan budi yang maseh di-saksikan oleh peng-lihatan mata dan di-rasa di-nikmati.

Dalam majlis ini juga beta ber-seru kepada semua penuntut2 per-guruan di-negeri kita ini baik di-aliran belajar bahasa Inggeris mahu pun di-aliran belajar bahasa Melayu mudahan menggunakan sa-penoh-nya segala kemudahan2 yang sudah di-sediakan seperti

bangunan sekolah, bangunan ke-sihatan, juga Jabatan Pertanian yang mempunyai kawasan ladang2, rimba belukar halaman dan bukit2 dan lembah2.

Awang2 dan Dayang2 sekalian, beta sukachita menyatakan sa-bagai istilah penjelasan sa-chara singkat ia-itu pertama; laila pelaj-aran dan ilmu pengetahuan sa-benar-nya atasan mengatasi buta huruf dan kedua; kesihatan sa-benar-nya atasan mengatasi bukan sahaja kelemahan akal fikiran te-tapi ada-lah satu usaha pada me-nyuburkan niat baik hasrat dari hati dan menerangkan pandangan yang kabor dan demikian juga menyehatkan ingatan dan ketiga; pertanian sa-benar-nya suatu dari laila usaha galakkan kepada rajin bagi berusaha mencari rahmat Tohan. Jangan-lah di-anggap yang Awang2 dan Dayang2 itu sa-bagai murid2 penuntut perguruan sahaja anggap-lah diri selaku orang2 de-wasa yang mempunyai tanggung jawab pada memberikan contoh2 tauladan, rajin menuntut dan manakala mendidik anak2 yang berkehendakkan ilmu pengetahuan berpatutan dan berguna. Beta de-ngan ikhlas dan jujur mengucap-kan sa-tinggi2 tahniah kepada Awang2 dan Dayang2 yang lulus dalam pengajian perguruan ba-haru2 ini. Kepada mereka ini beta mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat mengajar dalam sekolah mendidik penuntut2 supaya berbahagia. Pada yang maseh menuntut pula beta ucap-kan selamat menuntut dengan rajin dan bersungguh2. Beta dengan berterus terang pada menyatakan yang Negeri Brunei ada-lah sa-buah negeri yang chantek molek raayat dan penduduk serta isi Ne-geri Brunei pada umum-nya ada-lah sa-habis2 sedikit bilangan-nya, Alhamdulillah negeri kita Brunei sa-mewah dari negeri2 dan negara2 dalam lingkungan Kommonwealth, beta yakin apa jua jenis2 atau ber-jenis2 usaha apa jua jenis2 chada-ngan, peta2, master-plan dengan ketiadaan mengusahakan dengan bersungguh2 pada mengawal kese-lamatan luar dan dalam negeri usaha2, chadang2an, peta2 tidak akan sempalah tidak akan sem-purna. Kita semua tidak dapat mengawal dan mempertahankan negeri kita dari serangan atau dari perbuatan yang menganas yang sangat membahayakan yang be-sar2an baik dari luar atau dalam negeri, tetapi dengan izin Allah kita dapat mempertahankan an-chaman2 yang merbahaya dari satu2 komplot yang benar2 jahat dan bogat. Oleh yang demikian beta dengan sedaya upaya berusa-ha mengambil langkah yang Afdhal ia-itu di-masa keberangkatan beta ka-London akan berun-ding dengan Kerajaan British bagi mengeratkan lagi persahabatan negeri beta Brunei dengan Keraja-an United Kingdom. Utama se-kali mengukuhkan perjanjian per-tahanan bersama bagi memper-tahankan keselamatan negeri kita Brunei dari serangan perbuatan yang menganas dan anchaman yang membahaya luar dan dalam negeri.

Beta berdo'a mudah2an Allah subahan-nahu-wata'ala akan sentiasa mengkabulkan usaha beta serta memberi petunjuk yang kebaji-kan dan melimpahkan rahmat-nya kepada Negeri Brunei Darus-salam, juga memberi ilham petun-jok kebajikan kepada kita semua, serta mudahan Allah subahan-nahu-wata'ala memelihara-negeri kita Brunei dari mendapat merbahaya dan bala benchana yang menchemarkan nama baik Brunei Darus-salam, Sekian terima kaseh.

Pegawai2 kedet AMDB berlateh di-Australia

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai kedet Askar Melayu Di-Raja Brunei di-ja-dualkan berlepas ka-Australia pada 9 Julai hadapan untuk menjalani kursus latehan sa-lama sa-tahun.

Mereka ia-lah Awang Ka-rim bin Sapar dan Awang Abdul Aziz bin Abdullah.

Kedua2 pegawai itu akan di-tempatkan di-Sekolah La-tehan Pegawai Tentera Port-sea, Victoria.

Kursus itu di-jadualkan ber-mula dari 14 Julai, 1969 hing-ga 12 Jun, 1970.



Sambutan Maulud Nabi di-Daerah Tutong

PEKAN TUTONG — Umat Islam di-Daerah Tutong telah merayakan hari keputeraan junjongan kita Nabi Mohamad s.a.w. pada hari Jumaat lepas, dengan mengadakan satu perarakan mengelilingi Pekan Tutong.

Lebih dari 2,000 orang dari 54 buah pasokan yang mewakili persatuan2 belia, sekolah2, kampung2, pejabat kerajaan dan pertubuhan Islam di-daerah itu telah mengambil bahagian.

Perarakan yang bermula dari padang Sekolah Melayu Muda Hashim itu telah di-dahului oleh ahli2 jawatankuasa sambutan yang di-ketuai oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh, dan di-ikuti oleh pasokan pancharagam Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Selesai berarak, pasokan2 yang mengambil bahagian, telah berhimpun sa-mula di-padang itu untuk mendengar ucapan2 dan sharahan khas mengenai riwayat hidup dan ajaran2 Nabi Mohamad s.a.w. yang di-sampaikan oleh Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Turut berucap di-upacara itu ia-lah Pegawai Daerah Tutong sa-laku Pengerusi Sambutan dan wakil peribadi Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Haji Awang Abdullah bin Metassan.

Haji Awang Abdullah juga telah menyampaikan hadiah2 kepada pasokan2 yang berjaya dalam perarakan tersebut.

Keputusan2 perarakan ada-lah seperti berikut:

Bahagian persatuan2, pertubuhan dan sekolah2 menengah — Lelaki:

Pertama — PESAKA; Kedua — PEKLAPS dan ketiga S.M.M.P. 'B' Sementara bahagian perempuan: pertama — S.M.M.P. 'C'; Kedua — S.M.M.P. 'B' dan ketiga — PERDA.

Bahagian murid2 sekolah rendah: Lelaki:

Pertama — Persediaan Inggeris A.A.C.; kedua Sekolah Ugama Bakiau dan ketiga Sekolah Ugama Keriam. Bahagian perempuan pula: pertama — Sekolah Melayu Keriam; kedua Sekolah Ugama Keriam dan ketiga Sekolah Melayu Muda Hashim.

Bahagian Kelas2 Dewasa dan orang2 Kampung: Lelaki: Pertama Kelas Dewasa Keriam, kedua Kelas Dewasa Kiudang dan ketiga — kelas Dewasa Sinaut. Bahagian perempuan: Pertama — Kelas Dewasa Panchor Dulit, kedua Kampung Bakiau dan ketiga Kelas dewasa Keriam.

Chogan kata yang terbaik: Pertama — S.M.M.P. 'C'; kedua — Kampung Birau dan ketiga — Sekolah Ugama Bakiau.

Sa - bahagian daripada pasokan perempuan yang telah mengambil bahagian dalam perarakan tersebut.

Bachaaan ayat2 suci Al-Koran oleh Che'gu Zahari bin Abd. Rahman dalam sambutan tersebut.



Pasokan Persatuan Melayu Keriam — PESAKA yang telah mendapat tempat pertama dalam bahagian persatuan2 belia, pertubuhan2 dan sekolah2 menengah sedang berbaris dengan penoh semangat.

Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohd Salleh dan ahli2 jawatankuasa sambutan yang mendahului perarakan pada hari itu.



Temasha unggun api

BANDAR BRUNEI — Pengakap2 di-Daerah Brunei-Muara akan mengadakan rapat dan temasha unggun api bagi merayakan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dalam bulan hadapan.

Ini telah di-chapai dalam mashuarat bulanan jawatankuasa Persatuan Pengakap Daerah Brunei yang telah berlangsung pada minggu lalu.

Rapat itu akan di-adakan di-waktu siang dan temasha unggun api itu pula di-adakan pada sebelah malam.

Rapat dan temasha unggun api itu akan di-adakan di-Padang Besar, Bandar Brunei.

APA dia Semantik? Dari perbincangan kita dalam siri pertama dan kedua dapatlah kira-nya kita mengambil kesimpulan bahawa 'Semantik' tidak lain daripada 'ilmu atau kaji makna-kata yang kawasan-nya terbatas pada usaha memperhatikan dan menyelidiki peroses peralihan makna kata dalam pemakaian bahasa berdasarkan kajian sejarah perkembangan kehidupan pemikiran masyarakat bahasa yang besar hubungannya dengan kehidupan manusia sa-hari2.

Minggu lepas telah pun kita lihat satu mithalan mengenai perubahan

makna: ia-itu kata-nya tetap, pengertian yang di-tunjuk tetap, tetapi pemakaian-nya berubah: ia-itu mengenai istilah 'hiboran' atau 're-kreasi' dengan makna dan bertujuan melakukan sa-suatu dalam masa-bebas yang mendatangkan faedah kepada perkembangan fikiran, tuboh, dan jiwa. Sampai di-manakah teori ini diperaktikkan oleh masyarakat muda-mudi saudara-saudari lebeh maklum bukan?

Kali ini kita akan beralah kepada 'Istilah nilai-rasa'. Dalam pemakaian bahasa ada kala-nya yang di-gunakan tidak hanya mengandungi pengertian sa-chara objektif atau makna dasar sa-mata2; di-samping itu mengandungi juga pengertian sa-chara subjektif, berupa rasa pemakaian bahasa. Dan sabagai akibat daripada 'nilai-rasa', timbul-lah istilah2 baru dari bahasa2 asing, istemewa bagi mengisi kekurangan bahasa kebangsaan, dan untuk menyesuaikan pemakaian bahasa dengan semangat dan kehendak zaman-nya; kata2 baru yang telah terpakai dan terserak sebar dalam pelbagai buku2 sajak, chermen, nobel, surat khabar, majalah2 dan sabagai-nya.

Dalam buku-nya 'Semantik', Professor Dr. Slametmuljana ada memberikan kata2 bentokan baru sa-bagai contoh-nya: Kata2 yang di-bentok dengan kata tata (aturan), tuna (rugi), maha (besar), dwi-tri-chatur-pancha (2, 3, 4, 5) swa (sendiri), pra (dahulu), pari (sangat) dan sa-bagai-nya — yang sudah barang tentu kebanyakan-nya terpakai dalam bahasa dan sastera Indonesia. Tetapi yang lambat-laun akan dipakai juga dalam bahasa dan sastera Melayu dengan masok-nya buku2 Indonesia dengan jumlah sangat besar ka-Malaysia, Singapura dan Negeri Brunei ini.

Bagi renongan kita malam ini, kita ambil-lah satu saja dari sekian banyak kata2 baru yang di-bentok dengan kata2 tadi, ia-itu.....kata yang di-bentok dengan kata swa: swa-kerja.

Kata swa berasal dari kata Sanskrit dan bermakna "sendiri". Kata swa ini sama dengan istilah Yunani 'autos'. Maka jika kita berkata "Swakerja" itu berarti kerja-sendiri atau otoaktiviti dalam bahasa

Inggeris yang telah di-Melayukan. Chuba-lah kita luaskan ta'rif swa atau swakerja ini lebeh luas, dengan perkara yang sangat erat hubungan-nya dengan kaum pelajar di-mana2 saja mereka berada. Katakan-lah hubungan swakerja dan studi atau pelajaran: chara belajar sendiri.

Studi ada-lah pelajaran yang di-tuntut di-sekolah2 atau pun di-kursus2 yang tertulis; kalau tidak berguru 'self-study', belajar sendiri pakai buku2 yang di-pileh sendiri. Dengan studi orang boleh mendapat ilmu dan studi harus-lah di-hadapi dengan sunggo2 supaya berhasil. Kerana hasil studi bergantung kepada syarat swa-kerja, dalam arti mengadakan rancangan pembagian waktu yang tak boleh di-ubah; menyediakan waktu lebeh lama untuk mata-pelajaran yang sukar; memilih mana chara yang lebeh baik, di-hafal keras atau di-lihat dari chatatan; memilih waktu yang paling berhasil, malam atau siang; menyediakan bahan2 sa-belum belajar;

mengadakan masa 'recess' (rehat) belajar; membulatkan perhatian pada satu2 pekerjaan; memupuk keta'atan belajar atas rancangan studi sendiri dan sa-bagai-nya.

Salah satu dari akibat swakerja ini ia-lah munchul-nya kata 'self-made-man' orang yang maju dengan belajar sendiri, tidak kerana ia sekolah; orang yang menchapai kedudukan yang baik dalam masyarakat dan di-segani orang, bukan sa-mata2 kerana ia anak sa-orang raden atau hartawan yang mudah menyokolahkan anak-nya sampai ka-sekolah tinggi, melainkan kerana ia belajar sendiri dengan peloh jerih-payah-nya sendiri. Ini-lah juga yang di-sebut 'otodidak' orang yang terpelajar, tapi tidak bersekolah, melainkan kerana giat belajar sendiri dalam arti swakerja dengan swadaya dan swausaha atas sifat perchaya pada kechakapan sendiri, kesanggupan sendiri, sifat rajin, teliti, sifat pandai membagi waktu; sifat pandai membuat kesimpulan dari apa yang di-bacha, dan sifat tidak jemu

dan tidak malu bertanya (agar jangan sesat di-tengah jalan).

Sudah barang tentu orang yang telah punya dasar Sekolah Menengah Pertama atau Sekolah Menengah Atas untok belajar sendiri itu lebeh mudah dari orang yang hanya keluaran Sekolah Rendah atau pun Kursus buta-huruf. Namun, kejayaan itu teletak kepada jiwa "swakerja" kerja-sendiri sa-telah belajar di-sekolah2, atau pun di-perpustakaan dan sa-bagai-nya.

Dalam buku-nya "Pribadi" Dr. Hamka, antara-lain, berkata, "Dua puluh ekor kerbau pedati, yang sama gemok-nya sama kuat-nya, sama pula kepandaian-nya menghela petadi, tentu harga-nya pun tidak pula berlebeh - berkurang. Tetapi 20 orang manusia yang sama tinggi-nya, sama kuat-nya, belum tentu sama harga-nya. Sebab bagi kerbau tuboh-nya yang berharga; bagi manusia "pribadi-nya". Banyak guru, doktor, hakim, jurutera; banyak orang yang buku-nya satu gudang dan diploma-nya sa-gulong besar, tiba dalam masyarakat menjadi 'mati', sebab dia bukan orang masharakat. Hanya orang yang bodoh yang di-penohi perasaan samata, sentimen sa-mata, bila ia sayang ia lupa akan segala kesalahan, dan bila ia benchi ia pun lupa akan segala kebajikan." Kata Dr. Hamka itu-lah, istimewa istilah 'pribadi', yang akan kita bincangkan bersama2 dua-minggu dari sekarang, dalam tajok 'Apa dia semantik?' siri ka-4.

Sekian-lah, dan terima kasih.

APA DIA SEMANTIK?

Oleh

AWANG RAYMOND PHOA KIM HONG

SIRI KETIGA

Pasokan bola sepak RAF akan melawan pasokan2 tempatan dlm tiga perlawanan

BANDAR BRUNEI.—Pasokan bola sepak Tentera Udara Di-Raja British yang di-tempatkan di-Changi, Singapura akan mengadakan tiga perlawanan dengan pasokan Brunei pada penghujung bulan ini.

Pasokan tersebut ada-lah salah sa-buah pasokan yang paling kuat di-Republik Singapura dan kunjungan mereka ka-sini ada-lah atas anjoran Kelab Penerbangan Di-Raja Brunei.

Pasokan pelawat itu akan bermain dengan pasokan Daerah Brunei pada 27 Jun. Pada 28 Jun pasokan itu akan bermain dengan pasokan Daerah Belait. Sementara perlawanan ketiga pasokan pelawat itu akan bermain dengan pasokan Negeri Brunei pada 29 Jun.

Semua perlawanan akan diadakan di-padang besar Bandar Brunei mulai pukul 4.45 petang.

Bayaran bagi menyaksikan

perlawanan ia-lah \$1.00 bagi tiap2 perlawanan pertama dan kedua dan \$2.00 bagi perlawanan ketiga.

Tiket2 sekarang ini boleh dibeli dari Panggong Boon Pang Baharu, Bandar Brunei.

Kerja memindah kawat2 letrik telah selesai

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Letrik telah selesai menjalankan kerja memindah kawat di-atas di-antara pusat kuasa letrik Gadong dan Pusat Latehan Pulis di-Jalan Berakas pada penghujung minggu lalu.

Sa-banyak 26 buah tiang baru telah di-dirikan bagi kawat yang membawa kuasa letrik yang mempunyai kuasa 66,000 volt.

Sa-orang juruchapak Jaba-

tan Letrik berkata, pemindahan itu di-lakukan ia-lah kerana kawat2 lama itu menyeberangi di-atas jalan lapangan terbang yang baru.

Sementara itu, kerja memasang kebal bawah tanah dan menyeberangi sungai dari Pekan Belait ka-Kampong Sungai Teraban juga telah selesai.

Ini ada-lah pertama kali-nya rumah2 di-kampong itu mendapat bekalan letrik.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Kerani Tingkatan 'B'

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalu2 yang men-jadi raayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 di-Jabatan Kerani Tingkatan 'B' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan, Brunei.

Kelayakan2:

Chalu2 yang di-lantek mesti-lah sudah mencapai umur 17 tahun dan lulus sekurang2 nya Sijil Rendah Pelajaran (Inggeris) atau yang sebanding.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1-2-3 EB 4 — \$210x10 — 270x15 — 315 / EXAM BAR/330 x 15 — 360x20 — 480/EB/500x20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 6 Julai, 1969.

Di-Jabatan Kerja Raya

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalu2 yang men-jadi raayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.
(a) Tradesman Tingkatan khas (14 kekosongan)

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.3 — \$380x20 — 480. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah VII Sekolah Melayu atau pun yang sebanding dengan-nya serta mempunyai la-latehan di-Sekolah Pertukangan atau sa-bagai apprentice. Mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama 15 tahun sa-bagai Tradesman dalam Pertukangan Pembinaan atau Kejuruteraan.

(b) Penyelenggara Setor Tingkatan III (2 kekosongan)

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB 3 — \$200x10/EB/280x10 — 330.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Lulus Tingkatan II atau yang sebanding dengan-nya. Mempunyai sekurang2-nya 2 tahun pengalaman sa-bagai penyelenggara Setor dengan mempunyai tanggung-jawab mengeluarkan dan menyimpan barang2.

Permohonan2 daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Julai, 1969.

Sa-bagai Pemereksa Bangunan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pemereksa Bangunan di-Jabatan Bandaran, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Hanya orang2 yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman yang teresbut ini di-kehendaki memohon:—

Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan III Inggeris dan Darjah VII Sekolah Melayu serta mempunyai pengalaman sekurang2-nya tiga tahun dalam pekerjaan pemeliharaan bangunan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — \$210x10 — 270x15 — 360x20 — 480/EB/500x20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 12 Julai, 1969.

Sa-bagai Penterjemah Inggeris—China

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa untuk jawatan Penterjemah Inggeris/China di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah orang China dan lulus sa-kurang2-nya Sijil Persekolahan Sebarang Laut dan Peperiksaan Chinese Senior Middle Three atau yang sebanding dengan-nya.

Gaji:

—Dalam sukatan gaji D. 3 EB 4 \$380x20 — 480/EB/500x20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Pemohon2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Chalu2 yang berjaya yang terdiri dari raayat atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-beri jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalu2 yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Julai, 1969.

Sa-bagai Bailip Tanah

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat yang menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Bailip Tanah di-Jabatan Tanah dan Dae-rah, Kuala Belait.

Kelayakan2:

Hanya pegawai2 yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman yang berikut ini di-kehendaki memohon:—

Lulus sekurang2-nya Darjah VI Sekolah Melayu dan lulus Ilmu Hisab bahagian rendah. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 tanah.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — \$210x10 — 270x15 — 360x20 — 480/EB/500x20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu chatetan perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Julai, 1969.

SI-TUYU

oleh:m.salleh ibrahim



Lagi sa-orang di-kurniakan gelaran Pehin

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan gelaran Pehin kepada Dato Seri Laila Jasa Awang Raul Tresdale Lloyd Dolbey, Pengurus Ladang Getah Kerajaan dalam satu istiadat yang telah diadakan di-Lapau Bandar Brunei pada hari Jumaat lepas.

Dato Seri Laila Jasa Lloyd Dolbey sekarang di-kenali sebagai Yang Di-Muliakan Pehin Datu Saudagar Derma Laila.

Antara yang hadir di-istiadat mengurniakan gelaran itu termasuk-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A.R. Adair, Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan pegawai2 kanan kerajaan.

Pehin Datu Saudagar Derma Laila, Dato Seri Laila Jasa Lloyd Dolbey telah di-lantek menjadi pengurus Ladang Getah Kerajaan di-Gadong dalam tahun 1955.

Peraduan Pengantin Bersanding di-tanggohkan

BANDAR BRUNEI. — Peraduan Pakaian Pengantin Bersanding, anjoran Majlis Belia2 Negeri Brunei yang di-jadualkan di-adakan pada 28 Jun ini di-Sekolah Melayu SMJA Pusu Ulak di-tanggohkan ka-satu tarikh yang akan di-umumkan kemudian.

Sa-orang Juruchapak Majlis Belia2 berkata, persatuan2 belia, Maktab2 atau Kampong2 yang belum sempat menghantar borang2 permohonan masuk bertanding boleh-lah menghantar borang permohonan itu tidak lewat pada 14 Julai hadapan.

Borang2 masuk hendak-lah di-hantar kepada Awg. Abd. Rahim Walli dan Dk. Intan kedua2-nya di-Radio Brunei dan Awg. Ismail Ibrahim di-Maktab SOAS Bandar Brunei.



Gambar atas menunjukkan ketika istiadat mengurniakan gelaran tersebut di-jalankan.

Peraduan berchuchol rumah2, kedai dan gedong2 perniagaan

BANDAR BRUNEI. — Peraduan berchuchol bagi rumah2, kedai2 dan gedong2 perniagaan akan di-adakan, ia-itu sa-bahagian dari rancangan perayaan bagi daerah Brunei/Muara, kerana menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, bulan hadapan.

Sa-orang juruchapak jawatankuasa peraduan itu berkata, peraduan berchuchol itu ada-lah bagi bangunan2 yang di-hiasi dengan lampu2 kuasa letrik di-Bandar Brunei; Ja-

lan Subok; Jalan Tutong hingga ka-batu 10; Jalan Gadong hingga ka-Ibu Pejabat Pulis Di-Raja; di-sepanjang Jalan Berakas hingga ka-batu 6 dan Jalan Muara hingga ka-batu 7.

Peraduan itu terbahagi kepada tiga bahagian ia-itu bagi rumah; kedai2 dan gedong2 perniagaan.

Bagi menyertai peraduan berchuchol itu, tidak perlu bagi para peserta untuk memberitahu kepada badan jawatankuasa peraduan, tetapi mereka ada-lah di-kehendaki memasang lampu2 chuchol di-rumah2 atau bangunan mereka pada tiap2 malam ia-itu dari 15 Julai hingga 21 Julai, dari jam 7.00 hingga 12.00 tengah malam.

Minggu Kerja Pengakap

BANDAR BRUNEI. — Minggu Kerja Pengakap di-seluruh negeri bagi tahun ini akan di-mulakan dari hari Juma'at 27 Jun hingga 3 Julai hadapan.

Sa-masa di-jalankan Minggu Kerja Pengakap, pengakap2 akan mengunjongi karumah2 untuk menyumbangkan kerja tetapi mengharapakan perkhidmatan-nya itu di-berikan bayaran.

Mereka akan membawa kad2 kerja dan tuan2 punya rumah, kedai2 dan sharikat2 perniagaan di-minta menchatetkan pembayaran yang di-sumbangkan, kerana kerja2 yang telah di-lakukan oleh pengakap2 itu.

LEBEH 700 PATONG2 PROPAGANDA KOMINIS DI-RAMPAS DALAM MASA DUA BULAN

BANDAR BRUNEI. — Ketua Chawangan Khas Pulis Di-Raja Brunei, Dato G.E. Coster telah memberitahu peniaga2 tempatan supaya berhati2 apabila mereka mengimpot barang2 ka-negeri ini.

Dato Coster berkata, di-bawah undang2, barang2 yang membangkitkan perasaan terutama sekali yang mengandungi da'ayah dan chogan2 kata kominis ada-lah di-haramkan di-Brunei.

Barang2 ini ada-lah membahayakan kapadakepentingan dan keselamatan negeri.

Dato Coster menyatakan dalam sidang akhbar yang mana peniaga2 tempatan telah hadir bahawa kebanyakan dari barang2 itu datang dari Negeri China.

Sidang akhbar itu di-adakan berikutan perampasan oleh chawangan khas lebih dari 700 patong2 propaganda buat China yang di-import dari Hong Kong dalam masa dua bulan yang lalu.

Barang2 itu di-rampas di-bawah Undang2 Kawalan Peredaran Dzarurat 1967.

Undang2 itu memberi kuasa kepada Pengawal Kastam, Pesuruhjaya Pulis, Ketua Chawangan Khas untuk merampas barang2 yang boleh mendatangkan bahaya kapadakepentingan dan keselamatan negeri.

Hukuman ka-atas orang2 yang melanggar undang2 tersebut itu menjual, menerbit membahagi2kan atau mengimpot benda2 yang menghasut ia-lah penjara sa-lama tiga tahun atau denda sa-banyak \$2,000.00.

Perintah itu membenarkan tuan2 punya barang2 yang di-rampas itu merayu kepada Menteri Besar dalam masa 14 hari sa-lepas barang2 mereka di-rampas.

Akan tetapi keputusan Menteri Besar ada-lah muktamat dan tidak dapat di-tarek balek.

Setem khas memperingati pembukan Pusat Belia

BANDAR BRUNEI. — Pejabat Perkhidmatan Pos akan mengeluarkan setem khas sa-bagai memperingati pembukaan rasmi bangunan baru Pusat Belia di-Bandar Brunei.

Setem2 yang berharga 6 sen, 10 sen dan 30 sen itu akan di-jual di-semua pejabat2 pos di-seluruh negeri dalam bulan Julai hadapan, tetapi walau bagaimana pun

tarikh-nya belum di-tetapkan lagi.

Sementara itu, sa-orang juruchapak Pejabat Kebajikan Masyarakat telah menyeru semua persatuan2 belia yang ingin membuat sampil2 surat hari pertama untuk di-jual bersempena dengan keluaran khas itu supaya berhubung dengan pekah Pejabat Pos untuk mendapatkan keterangan2 lanjut.